

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN NO. 461**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi program *MyBrain* hanya dikhususkan kepada pelajar sains tulen sahaja.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program tajaan Biasiswa MyBrainSc yang diwujudkan berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2011 adalah untuk memberi peluang penajaan kepada pelajar cemerlang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan pasca siswazah dalam bidang Sains Tulen di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara.

Program ini ditawarkan untuk orang awam dengan syarat kelayakan yang tinggi setaraf dengan prestij kemudahan yang bakal diterima oleh pelajar tajaan terutamanya berkaitan kadar Elaun Sara Hidup (ESH) dan lain-lain kemudahan pembiayaan.

Program ini juga merupakan salah satu subset KPM bagi mencapai matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) terutamanya dalam objektif menghasilkan saintis-saintis muda berjiwa besar yang mampu menghasilkan penemuan-penemuan baru melalui penyelidikan yang bermanfaat untuk kebaikan manusia sejagat dalam masa yang sama

**NO. SOALAN : 461**

berpotensi untuk menerima anugerah *Nobel* pertama mewakili rakyat Malaysia.

Program MyBrainSc diwujudkan untuk melahirkan lebih ramai pelapis atau feeder dalam bidang Sains Tulen untuk menampung keperluan tenaga pengajar dalam bidang tersebut di universiti awam (UA) yang masih kurang sekaligus menjadikan Malaysia sebagai sebuah hub kecemerlangan pendidikan (*center of academic excellence*) di pentas dunia dan seterusnya mencapai status pendidikan bertaraf dunia.

RT45/385